

06 DEC 2000

DAIM BERJANJI KAJI BAYARAN BONUS, KATA CUEPACS

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini mengalu-alukan kenyataan bahawa kerajaan sedang mengkaji dan menimbang bayaran bonus atau bantuan khas kewangan kepada kakitangan awam.

Katanya, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin telahpun berjanji akan mengkaji rayuan Cuepacs yang meminta kerajaan menimbangkan bayaran bonus atau bantaun khas kewangan kepada kakitangan awam.

Setiausaha Agung Cuepacs Abd Rahman Manan berkata, Daim juga berjanji akan membincangkan rayuan berkenaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Cuepacs telah mengemukakan rayuan bayaran bonus atau bantuan khas kewangan minimum RM1,000 kepada kerajaan dalam pertemuan dengan Daim pada 6 Nov lepas, kata beliau dalam satu kenyataan di sini.

"Cuepacs percaya kerajaan begitu prihatin terhadap masalah kakitangan awam terutama mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana dalam menghadapi persediaan perbelanjaan persekolahan anak-anak pada penghujung tahun ini," katanya.

Semalam Dr Mahathir berkata, Menteri Kewangan sedang menimbangkan kemungkinan membayar bonus atau imbuhan lain kepada kakitangan awam tahun ini.

Abd Rahman seterusnya meminta kakitangan sektor awam bersabar menunggu keputusan kerajaan dan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan masing-masing.

-- BERNAMA

RZS GM RI